

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 27 OKTOBER 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 36

## IPHR Malaysia September naik 0.2 peratus

### IHPR Malaysia September naik 0.2 peratus

**PETALING JAYA** – Indeks Harga Pengeluar (IHPH) Malaysia, yang mengukur harga barangan di pintu kilang meningkat 0.2 peratus pada September lalu berbanding negatif 2.2 peratus pada Ogos, menurut Jabatan Perangkaan.

Ini merupakan peningkatan pertama IHPH selepas penurunan tujuh bulan berturut-turut sejak Februari 2023, disebabkan oleh kesan asas dan harga komoditi utama yang lebih tinggi.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin mengulas, peningkatan marginal itu disumbangkan oleh semua sektor kecuali pembuatan, yang kekal negatif untuk lima bulan berturut-turut pada -0.8 peratus.

"Sektor pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 3.2 peratus (Ogos 2023: -1 peratus), manakala sektor perlombongan meningkat sebanyak 6.9 peratus selepas mencatatkan negatif 3.8

peratus pada bulan sebelumnya.

"Kedua-dua sektor utiliti mencatatkan peningkatan, dengan sektor bekalan elektrik & gas meningkat 0.5 peratus dan bekalan air meningkat sebanyak 0.9 peratus," katanya.

Berbanding negara lain, IHPH Amerika Syarikat meningkat 2.2 peratus pada September, paras tertinggi sejak April 2023 manakala IHPH Jepun meningkat 2.0 peratus daripada kenaikan 3.3

peratus pada bulan sebelumnya, disebabkan penyederhanaan kos peralatan pengangkutan serta minuman & makanan.

Sementara itu, harga pengeluar China terus turun 2.5 peratus berbanding penurunan 3.0 peratus pada bulan sebelumnya didorong oleh penurunan yang lebih perlahan dalam semua kategori termasuk pemrosesan, bahan mentah dan perlombongan & kuari.



MOHD. UZIR